

Berita Harian Disember 2019

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1	Selasa 3 Disember 2019	Najib tiada kepentingan dalam SRC - Muhammad Shafee	SRC International Sdn Bhd (SRC)	3
2	Selasa 3 Disember 2019	Cadangan penubuhan SRC adalah daripada 1MDB	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	5
3	Selasa 3 Disember 2019	TIA wujud selepas Jho Low berbincang dengan Yang di-Pertuan Agong - Najib	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	8
4	Rabu 4 Disember 2019	Najib puas hati dengan jaminan kerajaan berjumlah RM2 bilion kepada SRC	SRC International Sdn Bhd	10
5	Ahad 8 Disember 2019	Syed Mokhtar pihak ketiga mahu ambil alih FGV - Mazlan Aliman	Felda Global Venture (FGV) Holdings Berhad	12
6	Isnin 9 Disember 2019	Tutup satu akaun, buka tiga lagi - Najib	SRC International Sdn Bhd.	14
7	Isnin 9 Disember 2019	3 Februari pengurusan kes lucut hak harta 1MDB	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	16
8	Isnin 9 Disember 2019	Kes SRC International: Bekas Peguam Negara akan dipanggil sebagai saksi pembelaan	SRC International Sdn Bhd	18
9	Rabu 11 Disember 2019	Lembaga Pengarah hanya dilantik selepas SRC mohon pinjaman RM3.95b daripada KWAP	SRC International Sdn Bhd.	21
10	Khamis 12 Disember 2019	Kerajaan teruskan tindakan mahkamah terhadap Goldman Sachs	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	23
11	Jumaat 13 Disember 2019	Mahkamah benar Najib dapatkan dokumen Justo	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	25
12	Isnin 16 Disember 2019	Kes Goldman Sachs pindah ke Mahkamah Tinggi	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	27
13	Rabu 18 Disember 2019	Sindir-menyindir Najib dan pendakwa	SRC International Sdn Bhd.	29
14	Rabu 18 Disember 2019	Najib tidak tahu ada RM32 juta dalam akaun	SRC International Sdn Bhd.	31
15	Rabu 18 Disember 2019	Skandal 1MDB: RM254,112.24 milik UMNO Sabah kini harta kerajaan	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	33

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
16	Khamis 19 Disember 2019	Saya tidak tanya jumlah baki dalam akaun - Najib	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	35
17	Khamis 19 Disember 2019	Najib tak tahu wang keluar dan masuk akaun	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	38
18	Khamis 19 Disember 2019	Saya tidak tanya jumlah baki dalam akaun - Najib	SRC International Sdn Bhd.	41
19	Khamis 26 Disember 2019	Kerajaan rayu kes lucut hak UMNO Kedah dan Habib Jewels	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	44
20	Khamis 26 Disember 2019	Permohonan pindah kes Goldman Sachs Singapura 14 Januari depan	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	46
21	Selasa 31 Disember 2019	Penerima dana 1MDB degil didakwa	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	48

**MUHAMMAD Shafee Abdullah**

1. Najib tiada kepentingan dalam SRC - Muhammad Shafee

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam SRC International Sdn Bhd (SRC) dan tidak terbabit dalam transaksi dana berjumlah RM40 juta.

Transaksi dana itu didakwa dipindahkan daripada akaun SRC kepada Gandingan Menteri Sdn Bhd (GMSB) dan seterusnya ke akaun Ihsan Perdana Sdn Bhd (IPSB) pada 12 Disember 2014.

Pembabitan Najib dalam hal membabitkan syarikat SRC mendapat kelulusan daripada Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP), Kabinet dan Kementerian Kewangan yang hanya bertujuan menjaga kepentingan kerajaan dan negara.

Demikian ditegaskan peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib ketika membacakan pernyataan pembukaan pada prosiding bela diri kes pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dihadapi Najib, di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini.

Muhammad Shafee berkata, keputusan untuk meletakkan SRC di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) diluluskan oleh Najib selepas perbincangan dilakukan antara Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi (EPU).

"Kesimpulannya jelas bahawa Najib tidak diberitahu dengan tepat mengenai baki sebenar dalam akaun malah beliau tidak menyedari transaksi sebenar dalam akaunnya.

"Dalam kes pendakwaan tiada plot pengaliran wang dana yang dikeluarkan berkaitan dengan anak guam saya. Malah Najib tidak membuat laporan polis berhubung urusan niaga dalam akaunnya memandangkan perkara itu di bawah penyiasatan pihak berkuasa," katanya.

Peguam bela yang mewakili Najib itu menjelaskan, pihak pembelaan akan mengemukakan beberapa perkara dalam prosiding bela diri antaranya Najib tidak mempunyai sebarang pengetahuan dan pembabitian dalam beberapa transaksi.

Hujah beliau, transaksi itu termasuk dana berjumlah RM40 juta dipindahkan daripada akaun SRC kepada GMSB dan seterusnya ke akaun IPSB pada 12 Disember 2014.

Beliau berkata dana lain adalah, dana berjumlah RM27 juta dan RM5 juta yang dipindahkan daripada IPSB ke dalam akaun dengan nombor berakhir 880 dan 906 pada 26 Disember 2014 dan dana berjumlah RM27 juta dan RM5 juta daripada akaun 880 dan 906 kepada akaun PSBS dan Putra Perdana Construction (PPC) pada 29 Disember 2014.

"Dana berjumlah RM10 juta pula yang dikeluarkan daripada akaun SRC kepada GMSB dan seterusnya kepada IPSB pada 5 serta 6 Februari 2015.

"Dana RM10 juta daripada IPSB kepada akaun 880 pada 10 Mei 2015," katanya.

Ahli Parlimen Pekan itu akan membuat kenyataan bersumpah daripada kandang saksi selepas diperintahkan membela diri oleh Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali pada 11 November lalu.

Mohd Nazlan sebelum ini memutuskan terdapat kes prima facie terhadap Najib selepas selesai perbicaraan selama 58 hari di mana seramai 57 saksi pendakwaan dikemukakan.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika ditemui di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

2. Cadangan penubuhan SRC adalah daripada 1MDB

KUALA LUMPUR: Idea penubuhan SRC International Sdn Bhd (SRC) muncul selepas 1Malaysia Development Berhad (1MDB) mencadangkan pembentukan syarikat sumber strategik bagi memenuhi matlamat kebangsaan memastikan bekalan tenaga mampan dan berterusan.

Sehubungan itu, satu perbincangan diadakan antara Datuk Seri Najib Razak selaku perdana menteri ketika itu, bersama bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, berkenaan perkara terbabit.

Najib, yang membacakan pernyataannya, berkata beliau percaya Shahrol Azral menyediakan sesalinan draf surat yang diterimanya (Najib) pada Ogos 2010 berhubung cadangan penubuhan SRC.

Menurut bekas perdana menteri itu, kandungan surat daripada 1MDB merangka rasional cadangan pembentukan SRC sebagai suatu panduan untuk melaksanakan pelaburan dalam sumber tenaga yang strategik.

Jelas Najib, pandangannya berhubung idea penubuhan SRC adalah tepat pada masanya kerana Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) sudah dimuktamadkan dan dilancarkan pada 10 Jun 2010.

"Dalam mencapai matlamat RMK-10, kerajaan pada masa itu mengambil kita faktor pertambahan keperluan bagi sumber tenaga semula jadi seperti arang batu dan minyak serta gas bagi menjayakan pembangunan inisiatif berkenaan.

"Pada ketika itu, kerajaan juga memutuskan untuk melihat potensi kemungkinan digunakan tenaga nuklear dan keperluan infrastruktur berasaskan kehendak Dasar Tenaga Negara... Atas dasar itu, matlamat penubuhan SRC adalah selaras dengan dasar pembangunan nasional.

"Selaras dengan amalan biasa kerajaan, saya mengarahkan Bahagian Tenaga di Unit Perancangan Ekonomi (EPU) melalui menteri yang bertanggungjawab ketika itu, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, untuk mengkaji cadangan terbabit.

"Hal ini kerana skop penubuhan SRC adalah suatu inisiatif yang julung kali dilaksanakan," katanya.

Ahli Parlimen Pekan itu bagaimanapun menafikan pembabitannya dalam penubuhan SRC pada 7 Januari 2011 kerana ia berada di bawah skop EPU.

Dia juga percaya bahawa 1MDB melaporkan kepada EPU mengenai penubuhan SRC dan hanya menyedari penubuhan syarikat itu kemudiannya.

Sementara itu, Peguam bela, Wan Aizuddin Wan Mohammed, bertanya kepada Najib sama ada dia (Najib) terbabit dalam proses pelaksanaan Memorandum dan Artikel SRC yang memberikan kuasa eksklusif kepada perdana menteri.

Ia termasuk Perkara 116 yang mengandungi perkara tertentu yang tidak dapat dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah tanpa kelulusan Perdana Menteri.

Menjawab persoalan itu, Najib berkata, dia tidak dirujuk mengenai penubuhan SRC sehinggalah selepas melihat dokumen berkaitan

Menurutnya, dia mendapati ia ditubuhkan melalui B&M Consultancy Services Sdn Bhd dan Lim Poh Seng, yang juga setiausaha syarikat 1MDB.

Katanya, dia tidak pernah terbabit atau mengadakan rundingan bagi kemasukan peruntukan itu dalam Memorandum dan Artikel SRC, dan hanya mendapati di dalam surat bertarikh 3 Jun 2011 (P364), SRC menyatakan penubuhannya diluluskan oleh Nor Mohamed.

Jelasnya lagi, perdana menteri tidak dapat melantik pengarah tanpa kelulusan Lembaga Pengarah dan tidak dapat menyingkirkan mana-mana pengarah sebelum resolusi syarikat diperoleh.

Najib turut disoal mengenai permohonan 1MDB untuk mendapatkan Geran Kerajaan sebanyak RM3 bilion tidak disokong EPU, sebaliknya EPU mengesyorkan supaya geran pelancaran sebanyak 20 juta diluluskan.

Najib menjawab: "Saya tidak kecewa berhubung perkara itu kerana sedar geran berkenaan tidak dimasukkan ke dalam belanjawan... Belanjawan negara memang ada had yang disediakan mengikut kemampuan kewangan kerajaan.

"RMK-10 tidak pernah menyediakan jumlah geran sebanyak itu sebagai peruntukan bagi pembangunan sumber tenaga, sebaliknya EPU bersetuju menyediakan geran pelancaran (launching grant) sebanyak RM20 juta.

"Justeru saya menjangkakan geran permohonan SRC sebanyak RM3 bilion akan ditolak berdasarkan justifikasi yang dinyatakan dalam memo.

"Namun, SRC dicadangkan mendapatkan modal melalui pinjaman komersial atau inisiatif usaha korporat atau pengeluaran bon supaya persaingan sihat antara syarikat berkaitan kerajaan dapat diwujudkan," katanya.

Tambah Najib, geran yang diperlukan tidak seharusnya diambil melalui belanjawan kerajaan sebab ia akan mengakibatkan pengurangan dana untuk projek pembangunan lain.

Bagaimanapun, menurutnya, geran itu tidak dirujuk kepada Kementerian Kewangan kerana ia tidak diperlukan berikutan penentuan had bumbung peruntukan untuk pelbagai sektor adalah di bawah kuasa EPU secara makro dan mengikut keperluan sektor.

Tambahnya lagi, sebagai perdana menteri ketika itu, dia boleh mengarahkan supaya geran pelancaran sebanyak RM3 bilion diberikan seperti dalam permohonan.

Bagaimanapun, mengikut amalan kepimpinannya, dia lebih suka mendapatkan pandangan daripada semua kementerian dan agensi yang terlibat antaranya, EPU, Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) dan Kementerian Kewangan.

"Pendapat mereka membantu saya untuk membuat keputusan. Mereka sependapat bahawa modal yang diperlukan SRC tidak wajar diambil dari siling dana pembangunan yang sedia ada.

"Ini berikutan ia akan menjejaskan keperluan pembangunan untuk sektor lain," katanya pada hari pertama prosiding bela diri kes membabitkan penyelewengan dana SRC berjumlah RM42 juta.

Najib berpendapat SRC dapat memainkan peranan penting dalam menzahirkan Dasar Tenaga Nasional, namun kebimbangannya adalah terhadap kebergantungan kepada minyak dan gas yang melampau, memandangkan wujud kekurangan sumber.

Menurutnya implikasi itu mungkin tidak dirasai pada ketika ini, tetapi ia pasti memberikan kesan yang lebih cepat daripada apa yang di sangka sekiranya tidak mempunyai sebarang rancangan alternatif seperti pembabitkan dalam inisiatif tenaga nuklear.



BEKAS Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika ditemui di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

3. TIA wujud selepas Jho Low berbincang dengan Yang di-Pertuan Agong - Najib

KUALA LUMPUR: Konsep Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA) wujud berikutan perbincangan di antara ahli perniagaan dikehendaki polis, Low Taek Jho atau Jho Low bersama Yang di-Pertuan Agong ketika itu, Sultan Mizan Zainal Abidin.

Jho Low dipilih sebagai penasihat kepada Sultan Mizan bagi menentukan hala tuju TIA dalam pembangunan di negeri Terengganu.

Datuk Seri Najib Razak menerusi pernyataan saksi yang dibacakan di hadapan Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, berkata Jho Low dilihat sebagai kenalan rapat Sultan Mizan dan adiknya, Tengku Datuk Rahimah Almarhum Sultan Mahmud.

"Jho Low mempamerkan dirinya sebagai individu yang amat berpengaruh di negara Asia Barat.

"Saya percaya bahawa ahli perniagaan itu mampu dalam mempermudah urusan pelaburan kerana negara Asia Barat mempunyai lebih wang tunai disebabkan kenaikan harga minyak.

"Disebabkan itu saya berfikir bahawa pengaruh dan jalinan oleh Jho Low sememangnya akan mempermudah matlamat dan pelaburan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) seperti yang diinginkan," katanya.

Najib menjelaskan, disebabkan pengaruh Jho Low yang cukup besar itu juga menyebabkan ahli perniagaan itu kekal sebagai penasihat walaupun TIA diambil alih Kerajaan Persekutuan dan ditukarkan kepada 1MDB.

Terdahulu, Najib memberitahu mahkamah, penubuhan 1MDB pada 2009 yang menggantikan TIA turut mengekalkan Lembaga Pengarah yang sama berikutan pengalaman dan kelayakan mereka dalam operasi syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Kesemua pengarah TIA yang dibawa masuk ke syarikat 1MDB ialah Tan Sri Ismee Ismail (ketika itu, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji), Datuk Mohd Bakke Salleh (ketika itu Ketua Pegawai Eksekutif FELDA Holdings Bhd), Tan Sri Datuk Azlan Zainol (ketika itu Ketua Pegawai Eksekutif KWAP) dan Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif TIA.

"Saya tidak nampak sebarang sebab untuk menukar komposisi Lembaga Pengarah kerana mereka sudah pun terbabit dalam operasi syarikat.

"Saya percaya bahawa penubuhan TIA sebelum pengambil alihan itu menetapkan supaya satu Lembaga Penasihat dapat diwujudkan... Saya fikir ini adalah cara yang sangat baik dalam menghimpunkan pemimpin industri untuk memberikan nasihat kepada 1MDB bagi pelaburan dan perniagaan.

"Konsep itu dikekalkan dan Nota bertariikh 28 Julai 2009 diserahkan kepada Kabinet pada 29 Julai 2009 yang mengandungi senarai individu yang dikenalpasti akan menduduki Lembaga Penasihat dan saya dipilih dan dilantik sebagai pengerusi," katanya.

Najib seterusnya menjelaskan, selepas keputusan dibuat supaya TIA diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan dan supaya saham dipegang Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), Ahli Lembaga Penasihat memaklumkan mengenai keperluan untuk meminda Memorandum & Artikel Persatuan 1MDB (M&A) yang sedia ada.

"MIB akan melaporkan kepada Perdana Menteri (PM) dan Lembaga Pengarah akan dilantik oleh Pengerusi Lembaga Penasihat... Kesemua perkara itu dicadangkan oleh Lembaga Pengarah dan pengurusan terbabit.

"Saya tidak nampak apa apa yang luar biasa mengenai perkara ini kerana sebagai seorang Perdana Menteri, saya diberikan kuasa mutlak mengenai perlantikan pengarah di syarikat GLC yang lain seperti Khazanah, Petronas, PNB (Permodalan Nasional Berhad), TNB (Tenaga Nasional Berhad), Telekom dan sebagainya.

"Bagaimanapun, M&A 1MDB itu tidak pernah ditunjukkan kepada saya," katanya yang memberi keterangan dari kandang saksi sebagai saksi pembelaan pertama untuk menjawab tujuh pertuduhan menyeleweng RM42 juta daripada dana SRC.

4. Najib puas hati dengan jaminan kerajaan berjumlah RM2 bilion kepada SRC

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berpuas hati dengan jaminan kerajaan berjumlah RM2 bilion untuk diberikan kepada SRC International Sdn Bhd (SRC).

Ini lanjutan daripada Kementerian Kewangan yang tidak menyokong untuk memberikan geran kerajaan sebanyak RM650 juta kepada SRC, sebaliknya jaminan kerajaan sebanyak RM2 bilion diberikan kepada syarikat itu.

Najib menerusi pernyataan saksinya, berkata justifikasi adalah seperti yang diluluskan bekas Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (TKSP) Dasar, Kementerian Kewangan, Datuk Mat Noor Nawi.

Najib berkata, tiada perubahan antara permohonan pertama SRC untuk jaminan kerajaan dan permohonan ini memandangkan matlamat SRC adalah selari dengan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10).

Tambah Najib, SRC memerlukan bantuan untuk mencapai matlamatnya dan pada masa sama, beliau yakin dengan peranan Bahagian Kewangan Diperbadankan (BMKD) bagi mengawal selia perkembangan SRC yang diberikan jaminan untuk pelaburan kerajaan.

Menurutnya, Kabinet juga sebulat suara meluluskan pemberian Jaminan Kerajaan kedua kepada SRC.

"Alasan utama persetujuan Kabinet adalah berdasarkan kepada objektif SRC yang sejajar dengan perancangan negara di bawah RMK-10 dan Dasar Tenaga Nasional yang sudah saya nyatakan sebelum ini.

"Perkara ini tidak berubah sejak Kabinet mempertimbangkan permohonan Jaminan Kerajaan yang pertama dan asas berkenaan terpakai di sini," katanya.

Najib yang kelihatan tenang ketika membacakan pernyataan saksinya itu berkata penggunaan pinjaman Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) dalam pelaburan SRC adalah sebagai modal lanjutan.

"Saya percaya penggunaan RM2 bilion yang pertama daripada KWAP oleh SRC sudah dimaklumkan kepada Perbendaharaan atau Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

"Pada peringkat ini, saya ada dimaklumkan berkenaan urusan niaga SRC- Aabar JV (syarikat usaha sama) dan penyempurnaan terma perjanjian secara umum. Hal ini adalah berdasarkan kepada taklimat yang diberikan kepada saya.

"Berhubung pelaburan lain yang dinyatakan di sini, saya ada dimaklumkan berkenaannya dan beranggapan perkara itu sudah dipertimbangkan dan diputuskan oleh Lembaga Pengarah SRC sejajar dengan tanggungjawab mereka," katanya.

Najib turut menjelaskan bahawa sebagai menteri kewangan ketika itu beliau mahu memastikan keputusan yang berkaitan dengan syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dibuat demi kepentingan negara.

Mengikut Najib, beliau sebagai menteri kewangan tidak pernah menarik diri daripada perbincangan yang membabitkan syarikat MKD kerana sekiranya tidak, tiada individu yang akan mempertahankan cadangan yang dibentangkan itu.

Katanya, adalah suatu yang tidak masuk akal untuk mencadangkan bahawa menteri kewangan seharusnya menarik diri atas dasar kepentingan profesionalnya.

Sementara itu, Najib menafikan bahawa beliau menyembunyikan pemindahan dana SRC kepada MKD daripada bekas Menteri Kewangan Kedua, Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah.

Beliau yang memberi keterangan dari kandang saksi, berkata apa yang dilakukan Ahmad Husni kepada mahkamah adalah implikasi D524 (Memo yang dikaitkan dengan pemindahan SRC International dari 1MDB) yang sengaja disembunyikan daripadanya.

"Saya boleh kata dengan yakin bahawa ia tidak disembunyikan dan saya tidak pernah mengarahkan sesiapa untuk menyembunyikan daripadanya.

"Ia bergantung kepada Mat Noor (TKSP) untuk memberitahu dia terlebih dahulu mengikut protokol," katanya.



BEKAS Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika ditemui di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, hari ini.



Syed Mokhtar didakwa mendalangi usaha terancang untuk mengambil alih kepentingan dalam FGV ketika ini

5. Syed Mokhtar pihak ketiga mahu ambil alih FGV - Mazlan Aliman

SHAH ALAM: Ahli Perniagaan Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary didakwa mendalangi usaha terancang untuk mengambil alih kepentingan dalam Felda Global Venture (FGV) Holdings Berhad ketika ini.

Ahli Jawatankuasa Pimpinan Nasional Parti Amanah Negara (AMANAH), Datuk Mazlan Aliman, ketika ucapan penggulungan pada Konvensyen Nasional AMANAH 2019 di sini, berkata isu FGV sebelum ini yang memusnahkan pentadbiran Barisan Nasional (BN), namun jika pengambilalihan itu dibenarkan ia akan mengundang akibat buruk kepada kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

Katanya, sebelum ini FELDA mempunyai aset dan simpanan yang besar sehingga hari ini hutangnya mencecah RM8 bilion.

Mazlan berkata, beliau masih ingat sebelum ini pernah bertemu dengan Tun Dr Mahathir Mohamad untuk mengetahui gerakan melawan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam isu FGV ini dan Perdana Menteri bersedia untuk berbuat demikian.

"Bila kita mengambil alih sedari awal saya dipanggil oleh Tun (Dr) Daim (Zainuddin) sebagai Pengerusi Penasihat dan saya cadang semula serta ingatkan kembalikan tanah ini kepada FELDA supaya dapat keselesaan kepada peneroka FELDA.



Mazlan ketika ucapan penggulungan pada Konvensyen Nasional AMANAH 2019 di Shah Alam. - NSTP/Saddam Yusoff

"Maaf, sampai hari ini kerajaan belum membuat apa-apa keputusan mengenainya, sehinggalah muncul, saya terpaksa sebut dalam majlis ini.

"Saya terpaksa sebut pihak ketiga itu. Ini maklumat yang diberikan kepada saya, pihak ketiga itu adalah Syed Mokhtar Al-Bukhary," katanya.

Mazlan yang juga Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) berkata, esok Lembaga Pengarah FELDA akan menemui Dr Mahathir bagi berbincang mengenai pengambilalihan dalam FGV.

Justeru, katanya, beliau merayu kepada kerajaan pimpinan Dr Mahathir tidak membenarkan pengambilalihan itu selain mengembalikan tanah FGV kepada FELDA.

Beliau berkata, sokongan dan undi peneroka FELDA menjadi penyumbang terbesar kepada kemenangan PH pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) tahun lalu selepas memenangi 19 kerusi di 54 kawasan FELDA.



Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak hadir membela diri dalam kes skandal SRC International Sdn Bhd di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

6. Tutup satu akaun, buka tiga lagi - Najib

KUALA LUMPUR: Akaun AmBank milik Datuk Seri Najib Razak yang berakhir dengan nombor 694 ditutup sebelum tiga lagi akaun bank sama berakhir dengan nombor 880, 906 dan 898 dibuka selepas dicadangkan Setiausaha Sulitnya, Allahyarham Datuk Azlin Alias.

Allahyarham Azlin mencadangkan akaun berbeza dibuka supaya sumbangan derma yang diterima bekas perdana menteri itu dapat diurus dengan lebih baik dan cadangan berkenaan dipersetujui Najib.

Menjelaskan perkara itu, Najib berkata, beliau berniat menghantar semula sejumlah besar dana yang tidak digunakan kepada penderma dan perkara itu dipersetujui Allahyarham Azlin selepas mereka mengadakan perbincangan.

"Bagi menguruskan sumbangan dan perbelanjaan dengan lebih baik berkaitan tanggungjawab sosial korporat (CSR), Datuk Azlin mencadangkan akaun baharu dibuka dan baki dana digunakan sebagai dana permulaan untuk akaun baharu itu.

"Ia dilakukan selepas saya dimaklumkan terdapat beberapa pihak akan memberi sumbangan lanjut kepada saya secara peribadi.

"Ia juga adalah lanjutan daripada sumbangan yang saya lakukan kepada politik, sosial dan program CSR bagi tujuan kebajikan dari 2011 hingga 2013," katanya.

Najib yang membacakan pernyataannya dalam keterangan bela diri terhadap tujuh pertuduhan menyeleweng RM42 juta dana SRC International Sdn Bhd, mengakui menandatangani dan memulangkan borang pembukaan akaun yang diserahkan Azlin.

Bagaimanapun, beliau tidak mengetahui sekiranya Azlin ada berurusan dengan bekas Ketua Pegawai Eksekutif SRC, Datuk Nik Faisal Ariff Kamil, berhubung pembukaan akaun baharu.

"Nik Faisal bertanggungjawab untuk membuka ketiga-tiga akaun itu.

"Apa yang saya faham hasilnya, akaun semasa berikut dibuka pada Ogos 2013 selepas ditandatangani pada Julai 2013 seperti yang tertera di dalam borang," katanya.

Menjawab soalan sama ada beliau pernah menghubungi ahli perniagaan, Low Taek Jho bagi berbincang hal berkaitan pembukaan tiga akaun baharu, Ahli Parlimen Pekan itu menjawab: "Tidak sama sekali."

Pada perbicaraan di peringkat pendakwaan, Pengurus Perhubungan AmBank, Joanna Yu Ging Ping dalam keterangannya, berkata Taek Jho atau Jho Low memberitahunya tiga akaun baharu akan dibuka.

Najib terkejut mengapa pihak bank (Joanna) berurusan dengan Jho Low sedangkan ahli perniagaan dikehendaki polis itu tidak pernah diberi kuasa berhubung dengan bank berkaitan dengan akaunnya.


"Saya tidak diberitahu mengenai Jho Low mengarahkan Joanna Yu mendapatkan kelulusan bagi menggunakan nama lain untuk ketiga-tiga akaun.

"Saya tidak tahu dan buku cek yang diterima tidak menunjukkan nama akaun. Saya tidak tahu kenapa pihak bank mengambil arahan daripada seseorang yang tidak diberikan kuasa oleh saya untuk berurusan dengan akaun saya," katanya.

Najib sememangnya terkejut apabila mengetahui pihak bank berurusan dengan Jho Low sedangkan pemberian kuasa bertulis diberikan kepada Nik Faisal.

Najib menjelaskan tidak pernah dimaklumkan tiga pegawai AmBank iaitu Joanna, Daniel Lee dan Krystal Yap dilantik sebagai pengurus perhubungan bagi akaun 880, 906 dan 898 miliknya.

Beliau bagaimanapun mengetahui Nik Faisal mempunyai kuasa menguruskan semua akaunnya seperti dimaklumkan Allahyarham Azlin



7. 3 Februari pengurusan kes lucut hak harta 1MDB

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, menetapkan 3 Februari depan untuk pengurusan kes bagi permohonan kerajaan melucut hak harta dirampas dari premis milik Obyu Holdings Sdn Bhd (Obyu) bernilai RM680 juta, dipercayai berkaitan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Timbalan Pendakwa Raya, Faten Hadni Khairuddin, berkata pada tarikh itu permohonan akan didengar di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi baharu, Datuk Muhammad Jamil Hussin.

Ia berikutan Hakim Mahkamah Tinggi, Collin Lawrence Sequerah yang mendengar perbicaraan kes Datuk Seri Najib Razak berhubung dana 1MDB menarik diri daripada mendengar permohonan itu

Faten berkata, pada tarikh itu juga, pihaknya akan mendapatkan arahan selanjutnya berhubung permohonan itu terutama isu pembalasan afidavit daripada pihak ketiga iaitu Najib dan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor serta syarikat barangan kemas, Global Royalty Trading SAL (Global Royalty) untuk melihat barang kes.

Obyu Holdings dimiliki Tan Sri Bustari Yusof, adik bekas Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah yang menjadi orang kepercayaan rapat Najib.

Dalam notis usul difailkan terhadap Obyu, kerajaan antaranya menyita 11,991 unit barang kemas, 401 utas jam tangan dan 16 unit aksesori jam tangan, 234 unit cermin mata dan 306 beg tangan serta wang tunai RM114,164,393.44 dalam pelbagai denominasi.

Sebahagian besar barangan mewah dirampas polis dilaporkan dari pangsapuri dimiliki Obyu Holdings. Selain itu, sebuah hartanah di sebuah daerah Kuala Lumpur turut disita pada 1 November 2018.

Permohonan lucut hak itu difailkan pendakwaan selaku pemohon terhadap Obyu yang dinamakan sebagai responden mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

Sebelum ini, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Latheefa Koya, berkata SPRM memfailkan permohonan itu terhadap 41 responden untuk mendapatkan semula kira-kira RM270 juta yang mempunyai kaitan dengan 1MDB yang SPRM percaya wang berkenaan dipindahkan daripada akaun Najib.



BEKAS Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali

8. Kes SRC International: Bekas Peguam Negara akan dipanggil sebagai saksi pembelaan

KUALA LUMPUR: Bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali akan dipanggil sebagai saksi pihak pembelaan dalam perbicaraan kes pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana SRC International Sdn Bhd berjumlah RM42 juta dihadapi Datuk Seri Najib Razak.

Mohamed Apandi dilantik sebagai Peguam Negara pada 27 Julai 2015 sehingga 4 Jun 2018, menggantikan Tan Sri Abdul Gani Patail yang ditamatkan perkhidmatan atas sebab-sebab kesihatan.

Pada 21 Julai 2016, beliau dilaporkan membuat kenyataan bahawa tidak ada sebarang bukti daripada mana-mana penyiasatan bagi menunjukkan bahawa wang daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) telah disalahguna dan tidak ada sebarang tuduhan jenayah ditekankan terhadap mana-mana individu untuk 'kesalahan penyalahgunaan wang daripada 1MDB'.

Pada prosiding sebelah petang di Mahkamah Tinggi, Najib yang membaca jawapan dari kenyataan saksi, berkata beliau masih berpegang terhadap kenyataan media Mohamed Apandi yang membebaskannya daripada salah laku membabitkan SRC International.



DATUK Seri Najib Razak ketika ditemui di Mahkamah Kuala Lumpur. - Foto Muhd Zaaba Zakeria

Berikutan itu, peguam tertuduh, Wan Aizuddin Wan Mohammed memohon mahkamah menandakan kenyataan media bekas Peguam Negara itu sebagai eksibit, namun dibantah Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri V Sithambaram atas hujah pengeluar dokumen itu tidak hadir di mahkamah untuk membuktikan kebenaran dokumen berkenaan.

Wan Aizuddin kemudian memberitahu mahkamah bahawa pihak pembelaan akan memanggil Mohamed Apandi untuk membuktikan kenyataan akhbarinya.

Terdahulu, peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah memaklumkan kepada mahkamah bahawa pihaknya akan memanggil pakar tandatangan daripada Australia dalam prosiding bela diri bekas Perdana Menteri itu.

Katanya, ia bagi membolehkan pakar menentukan kesahihan beberapa dokumen yang dikemukakan di mahkamah yang mengandungi tandatangan anak guamnya.

"Kami akan memerlukan pakar tulisan dan penulisan tangan yang kami dapatkan daripada Australia dan beliau akan hadir pada hari Rabu ini. Beliau akan bersedia pada hari terbabit untuk memberikan pandangan mengenai isu tandatangan (Najib)," katanya.

Bagaimanapun, Sithambaram membantah permohonan itu dengan alasan ia boleh menyebabkan prejudis terhadap kes pendakwaan dan meminta pihak pembelaan supaya mengemukakan permohonan serta afidavit kepada mahkamah berhubung perkara itu.

Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali, sehubungan itu memutuskan bahawa peguam bela perlu memfailkan permohonan rasmi untuk dipertimbangkan oleh mahkamah.

Sementara itu, Najib yang membacakan pernyataan saksinya ketika membela diri, menjelaskan mengenai isu mengapa beliau tidak membuat laporan polis terhadap wang RM42 juta dimasukkan ke dalam akaun peribadi AmBank miliknya pada 2014.

Menurut bekas Perdana Menteri, beliau mengambil keputusan untuk tidak membuat laporan kerana tidak mahu dilihat mengganggu siasatan pihak berkuasa.

Jelasnya, beliau juga memilih untuk tidak membuat kenyataan mengenai perkara itu kerana mahu menunggu siasatan selesai.

Najib berkata, beliau mengambil pendirian itu walaupun mengetahui mengenai transaksi yang besar itu daripada Pengarah Urusan Ihsan Perdana Sdn Bhd, Datuk Dr Shamsul Anwar Sulaiman dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Rakyat 1Malaysia (YR1M), Ung Su Ling.

Mengikut pemahaman beliau, siasatan Pasukan Petugas Bersama (Joint Task Force) iaitu Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Polis Diraja Malaysia bermula selepas penerbitan artikel daripada sebuah portal pada 2 Julai 2015 berhubung wang daripada SRC dipindahkan ke dalam akaunnya.

Najib yang menjawab soalan Wan Aizuddin, berkata beliau mendapat tahu mengenai transaksi itu ketika siasatan sudah bermula.



Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak hadir pada Prosiding bela diri dalam kes skandal SRC International Sdn Bhd di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

9. Lembaga Pengarah hanya dilantik selepas SRC mohon pinjaman RM3.95b daripada KWAP

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi hari ini diberitahu Ahli Lembaga Pengarah SRC International Sdn Bhd hanya dilantik selepas syarikat itu membuat permohonan pinjaman RM3.95 bilion daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Pendedahan oleh Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas itu dikemukakan melalui tujuh dokumen dalam perbicaraan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC yang dihadapi Datuk Seri Najib.

Antara dokumen yang dirujuk Tommy ketika menyoal balas Najib adalah surat pelantikan tujuh pengarah SRC, Memorandum dan Artikel Persatuan (M&A) termasuk surat dan e-mel berhubung dua permohonan pinjaman SRC daripada KWAP.

Berdasarkan kepada dokumen berkenaan, Tommy menyatakan bahawa SRC membuat keputusan untuk memohon pinjaman daripada KWAP pada Jun dan Julai sementara Lembaga Pengarah dilantik pada Ogos tahun sama.

Najib bagaimanapun menjawab bahawa bulan Ogos adalah pelantikan rasmi Ahli Lembaga Pengarah.

"Nama mereka mungkin sudah dicadangkan Lembaga Pengarah, ...saya perlu menyemaknya, tetapi pelantikan rasmi adalah pada 1 Ogos," katanya.

Terdahulu, Najib juga turut diminta Tommy mengesahkan butiran dalam dokumen rasmi SRC dan tulisan tangan bekas presiden UMNO itu dalam empat surat yang sebelum itu dikemukakan kepada mahkamah.

Tommy : Berulang kali kamu katakan bahawa peranan kamu adalah sebagai Ketua Lembaga Penasihat SRC. Ia jawapan 'standard' kamu di mana semua keputusan (SRC) adalah atas nasihat Lembaga Penasihat SRC. kamu ingat?

Najib: Ya.

Tommy : Bagaimana kamu menerima nasihat berhubung tujuh dokumen (pinjaman dan lantikan pengarah) walaupun Lembaga Pengarah belum wujud lagi?

Najib: Ia dikemukakan oleh CEO (Ketua Pegawai Eksekutif) pada masa itu.

Tommy kemudian mencadangkan bahawa semua keputusan dibuat atas arahan Najib secara peribadi, bagaimanapun bekas perdana menteri itu tidak bersetuju dengan cadangan berkenaan.

Sementara itu, Najib mengakui bahawa proses pembentangan Jaminan Kerajaan bagi pinjaman RM2 bilion oleh SRC kepada Kabinet pada tahun 2011 dipercepatkan.

Najib berkata, ia adalah kerana terdapat terdapat peluang pelaburan yang menunggu syarikat itu selaras dengan penubuhan SRC untuk kepentingan negara.

Tommy : Saya katakan keadaan (bagi mendapatkan pinjaman KWAP) adalah tergesa-gesa dan seolah-olah ia penting. Kenapa?

Najib: Syarikat SRC ditubuhkan kerana keperluan dari segi strategi negara dan ia disokong Unit Perancang Ekonomi (EPU). Syarikat itu mempunyai peluang pelaburan jadi keperluan kewangan SRC perlu diusahakan. Sebab itu perkara ini dilakukan.

"Di sini saya mahu jelaskan bahawa ia bukan perkara luar biasa keperluan mana-mana syarikat baharu diusahakan pada masa singkat," katanya.



Guan Eng (tengah) bercakap pada sidang media di Kementerian Kewangan, Putrajaya, hari ini

10. Kerajaan teruskan tindakan mahkamah terhadap Goldman Sachs

PUTRAJAYA: Kerajaan akan meneruskan tindakan undang-undang terhadap Goldman Sachs, walaupun terdapat laporan memaklumkan firma pengurusan pelaburan itu sedia membuat bayaran kepada Jabatan Keadilan (DoJ) Amerika Syarikat sebagai penyelesaian kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata difahamkan berdasarkan laporan Bloomberg, dimaklumkan bahawa Goldman Sachs mahu mencapai penyelesaian dengan DoJ dengan bayaran antara AS\$1.5 bilion hingga AS\$2 bilion.

"Saya nak tekankan sekali lagi pihak kerajaan Malaysia tidak tahu tentang laporan ini kerana kita tidak ada-apa maklumat mengenai mereka (DoJ) nak buat penyelesaian bayaran.

"Bagi kerajaan, kita akan teruskan tindakan mahkamah yang kita ambil terhadap Goldman Sachs. Saya telah berhubung dengan pihak Peguam Negara yang menyatakan kes ini dijangka didengar dan dibicarakan pada pertengahan tahun depan.

"Kerajaan Malaysia masih menuntut pembayaran AS\$7.5 bilion, ini kerugian dialami oleh skandal 1MDB, hanya membabitkan Goldman Sachs sahaja, tidak termasuk kes ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Sebelum ini, Malaysia menolak tawaran pampasan AS\$2 bilion daripada Goldman Sachs berhubung skandal 1MDB yang disifatkan kerajaan sebagai terlalu rendah jumlahnya.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata jumlah pampasan yang ditawarkan bank pelaburan beribu pejabat di New York itu amat rendah berbanding kerugian AS\$7.5 bilion yang terpaksa ditanggung.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng mengulangi keyakinan bahawa prospek ekonomi Malaysia kekal kukuh walaupun terdapat peningkatan ketidaktentuan persekitaran luaran dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dijangka tumbuh masing-masing 4.7 peratus dan 4.8 peratus pada 2019 dan 2020.

"Kita akan kekalkan sasaran ini, kita lihat pertumbuhan tahun ini, kalau capai 4.7 peratus, jadi kita yakin sasaran 4.8 peratus bagi 2020 mampu dicapai. Buat masa sekarang ia berada pada landasan yang betul," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai Festival Putrajaya LIFT, beliau berkata ia bermatlamat memperkasakan kecelikan kewangan dan membina masyarakat digital.

"Ia juga bertujuan memperkasakan orang ramai dengan menyediakan maklumat terkini kewangan dan pembangunan teknologi baharu dalam ekonomi digital, bagi memastikan anak muda bersedia dengan cabaran masa depan," katanya.

Festival Putrajaya LIFT akan berlangsung selama dua hari bermula 28 hingga 29 Disember ini, bertempat di tiga lokasi iaitu Menara Perkeso@Putrajaya, Bangunan Suasana PjH dan Kompleks Kementerian Kewangan.



BEKAS Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak hadir di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur bagi permohonan mendapatkan dokumen bekas Eksekutif PetroSaudi Xavier Justo.

11. Mahkamah benar Najib dapatkan dokumen Justo

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, membenarkan permohonan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memeriksa dokumen diserahkan bekas eksekutif PetroSaudi International Ltd, Xavier Andre Justo kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam siasatan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Hakim Collin Lawrence Sequerah membuat keputusan itu selepas mendengar hujahan peguam mewakili Najib (pemohon), Al Firdaus Shahrul Naing dan Timbalan Pendakwa Raya Datuk Seri Gopal Sri Ram.

Dalam keputusannya, Collin berkata, mahkamah membenarkan pihak pembelaan mendapatkan dokumen dan memerintahkan pendakwaan menyerahkannya dalam masa tiga minggu.

"Pihak pembelaan boleh memeriksa dokumen itu melalui pasukan pendakwaan dalam tempoh tiga minggu dari hari ini.

"Ini kerana mahkamah mendapati terdapat asas mencukupi bahawa dokumen itu relevan dengan pemohon dan pembelaannya.

Bahan yang dicari adalah berkaitan pertuduhan dalam perbicaraan 1MDB," katanya.

Sri Ram kemudian memaklumkan kepada mahkamah bahawa pihaknya akan menyerahkan pemacu komputer mengandungi 17,000 dokumen berkaitan 1MDB yang dikehendaki kepada pembelaan.

Collin sehubungan itu menetapkan 7 Januari depan untuk pengurusan kes perbicaraan 1MDB dihadapi Najib.

Pada 16 Oktober lalu, Najib, 66, memfailkan notis usul dengan menamakan pendakwa raya sebagai responden.

Najib membuat permohonan berkaitan ketika prosiding perbicaraan kes rasuah dihadapinya membabitkan RM2.3 bilion dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Dalam permohonan itu, Najib memohon perintah mahkamah untuk memaksa pihak pendakwaan atau mana-mana entiti lain yang memiliki, menjaga dan mengawal dokumen diserahkan Justo kepada SPRM berkaitan usaha sama 1MDB dengan PetroSaudi International Ltd, sama ada dalam bentuk fizikal atau dimuat turun daripada peranti storan digital, untuk diperiksanya.

Najib antara lain memohon mahkamah memaksa pihak pendakwaan atau mana-mana entiti lain yang memiliki dan mengawal dokumen berkenaan untuk menyerahkannya kepada beliau.

Beliau memfailkan permohonan itu atas alasan dokumen dimohon adalah relevan dan dapat membantu pembelaan pemohon, yang mungkin sudah digugurkan atau ditahan daripada dikeluarkan yang bercanggah dengan Seksyen 51A Kanun Prosedur Jenayah.

Najib berkata, pemeriksaan atau pengeluaran dokumen itu tidak bercanggah dengan kepentingan awam dan sebaliknya tidak mendedahkan serta menolak untuk ia diperiksa adalah menafikan hak pemohon mendapat perbicaraan adil.



12. Kes Goldman Sachs pindah ke Mahkamah Tinggi

KUALA LUMPUR: Kes terhadap syarikat Goldman Sachs Group Inc yang didakwa berhubung terbitan bon bernilai AS\$6.5 bilion membabitkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), dipindahkan ke Mahkamah Tinggi.

Hakim Mohamed Zaini Mazlan membuat keputusan memindahkan kes berkenaan selepas membenarkan permohonan pihak pendakwaan dalam prosiding di Mahkamah Tinggi hari ini.

"Kes Goldman Sachs International Ltd yang berpejabat di UK dan Goldman Sachs (Asia) LLC yang berpangkalan di Hong Kong akan dipindahkan Mahkamah Tinggi," katanya.

Mohamed Zaini juga menetapkan Khamis depan untuk mendengar permohonan pendakwaan bagi memindahkan kes berkaitan bon US\$6.5 bilion membabitkan Goldman Sachs (Singapura), daripada Mahkamah Majistret ke Mahkamah Tinggi.

Tarikh itu ditetapkan selepas Timbalan Pendakwa Raya Norinna Bahadun memaklumkan bahawa penyampaian notis saman terhadap Goldman Sachs (Singapura) masih dalam proses.

Di hadapan Majistret Mohamad Fared Abdul Latif, Timbalan Pendakwa Raya Zaki Asyraf Zubir turut memberitahu mahkamah berhubung perkembangan kes itu.

Mahkamah kemudian menetapkan tarikh sama untuk sebutan bagi mengemas kini status permohonan pemindahan pihak pendakwaan terhadap Goldman Sachs (Singapura).

Peguam Hisyam Teh Poh Teik yang mewakili Goldman Sachs tidak membantah permohonan itu.

Pada 19 Disember 2018, pendakwaan memfailkan empat tuduhan ke atas Goldman Sachs kerana meninggalkan fakta material berhubung penjualan bon terbitan antara anak syarikat 1MDB dengan Aabar Investments PJS Limited (Aabar Limited).

Syarikat itu dituduh melakukan kesalahan itu antara 19 Mac 2012 hingga 11 November 2013, di 1MDB, Aras 8, Menara IMC, No 8, Jalan Sultan Ismail, di sini.

Pertuduhan dilakukan mengikut Subseksyen 179(c) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan sabit kesalahan boleh dipenjara tidak melebihi 10 tahun dan denda tidak kurang RM1 juta.

Pada 19 Disember 2018, bekas ahli perbankan Goldman Sachs, Roger Ng Chong Hwa, 46, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, atas dakwaan memainkan peranan dalam pengeluaran bon berkaitan 1MDB.

Jabatan Keadilan Amerika Syarikat menganggarkan sekitar AS\$4.5 bilion diselewengkan daripada 1MDB antara 2009 hingga 2014, termasuk sebahagian dana yang dibantu Goldman Sachs.

13. Sindir-menyindir Najib dan pendakwa



Datuk V Sithambaram (kiri) dan Datuk Seri Najib Razak.

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata beliau tidak mencampuri urusan syarikat pelaburan strategik, SRC International Sdn Bhd kerana menguruskan hal ehwal negara.

"Saya tidak tahu (mengenai SRC) kerana menjaga hal ehwal negara, bolehkah kamu terima (jawapan ini)?" katanya ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram.

Sithambaram kemudian membalas jawapan itu dengan berkata:

"Lebih baik saya tidak menjawabnya kerana jawapan saya mungkin tidak menyenangkan, kita semua ada pandangan (bagaimana negara ini ditadbir)."

Sebelum itu, Najib disoal balas oleh Sithambaram mengenai sejumlah besar wang SRC yang dipindah keluar ke dalam akaun syarikat Ihsan Perdana Sdn Bhd dan soalan berhubung pengurusan akaun bank miliknya.

Ketika menyoal Najib mengenai penegasannya bahawa tandatangan pada dokumen SRC bukan miliknya, Sithambaram turut menyamakan jawapan Najib dengan prosiding Suruhanjaya Siasatan Diraja berhubung rakaman video pelantikan hakim pada 2008.

Ia bermula apabila Sithambaram menyoal Najib mengenai satu dokumen SRC yang mengandungi nama dan tandatangan Najib.

Apabila dirujuk dokumen berkenaan, Najib menjawab:

"Ia nampak macam tandatangan saya tapi saya ragu-ragu (dengan kesahihan tandatangan itu).

Sithambaram membalas:

"Apabila kamu cakap begitu, ia mengingatkan saya kepada kes sebelum ini 'nampak macam saya, suara macam saya tetapi bukan saya'.

Jawapan balas Sithambaram itu menyebabkan Najib tersenyum.

Sementara itu, Najib berkata beliau tidak boleh dipertanggungjawab jika terdapat sebarang salah laku dalam pengurusan akaun bank peribadinya kerana tidak pernah membenarkan perkara itu berlaku.

Menurut Najib, beliau memberikan kuasa pengurusan akaun bank berkenaan kepada pihak ketiga.

Walaupun selepas berkali-kali diasak dengan soalan sama mengenai akaun bank peribadi, Najib tidak berganjak dengan pendiriannya beliau tidak boleh dikatakan bertanggungjawab terhadap transaksi mencurigakan dalam akaunnya.

"Jika ada sesuatu yang tidak betul berlaku, bagaimana saya boleh dikatakan bertanggungjawab," jawab Najib

Pada satu peringkat, Sithambaram akhirnya berkata:

"Nampaknya kamu tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa pun."

Najib bagaimanapun menjawab:

"Jika seseorang melakukan sesuatu yang tidak betul, macam mana saya boleh dikatakan bertanggungjawab (terhadap tindakan itu)? Ada beberapa perkara yang mereka lakukan yang saya sendiri pun tidak sedar."

Perbicaraan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Mohd Nazlan Mohd Ghazali bersambung esok.



Najib hadir pada prosiding bela diri dalam kes SRC International Sdn Bhd di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

14. Najib tidak tahu ada RM32 juta dalam akaun

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tidak pernah mengetahui terdapat wang berjumlah RM32 juta yang dipindah masuk ke dalam akaun peribadinya.

Najib yang memberikan keterangan pada perbicaraan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana SRC International Sdn Bhd berjumlah RM42 juta, berkata ini disebabkan akaunnya diuruskan oleh pihak ketiga.

Najib dalam keterangan bela dirinya berkata, individu yang mengendalikan akaun bank miliknya sudah pasti akan memaklumkan jika terdapat transaksi yang mencurigakan.

Tambahnya lagi, pihak bank juga sepatutnya akan memaklumkan kepada beliau sebagai pemilik akaun jika terdapat transaksi wang keluar masuk yang mencurigakan.

Najib berkata demikian ketika disoal balas Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram sama ada Najib tahu mengenai kemasukan wang itu.

"Saya tidak menguruskan akaun saya sendiri. Mereka yang menguruskan akaun saya sepatutnya lebih tahu," jawab Najib.

Prosiding hari ini kerap menyaksikan pertikaman lidah di antara Najib dan Sithambaram ketika persoalan mengenai kesahihan tandatangan bekas perdana menteri itu dalam dokumen SRC dibangkitkan pendakwaan.

Pertikaman lidah itu bermula apabila Najib tidak menjawab dengan terus soalan Sithambaram yang hanya menghendaki jawapan "ya" atau "tidak" sebaliknya sentiasa mahu menjelaskan dengan lanjut.

Sithambaram: Ketika kamu dalam siasatan SPRM, kamu ditunjukkan satu salinan dokumen yang mengandungi tandatangan kamu. Kamu mengesahkan tandatangan itu tanpa sebarang bantahan pada peringkat itu.

Najib: Pada peringkat itu.

Sithambaram: Jadi selepas duduk di mahkamah dan mendengar pemeriksaan balas oleh peguam kamu, kamu katakan, ini bukan tandatangan kamu?

Najib: Benar

Sithambaram: Kamu setuju apabila ditunjuk salinan (dalam siasatan SPRM) itu tandatangan kamu di mana ia sebelum peguam beritahu kamu? Ya atau tidak?

Najib: Ia dilihat seolah-olah tandatangan saya. Ketika itu ... kerana itu saya mahu mengesahkan dokumen dengan memanggil pakar.

Sithambaram: Saya hanya mahu jawapan ya atau tidak. Bukan penafian.



Wang RM254,112.24 yang dibekukan daripada akaun bank milik Badan Perhubungan UMNO Sabah yang didakwa ada kaitan dengan skandal penyelewengan dana 1MDB kini menjadi harta Kerajaan Malaysia

15. Skandal 1MDB: RM254,112.24 milik UMNO Sabah kini harta kerajaan

KUALA LUMPUR: Wang RM254,112.24 yang dibekukan daripada akaun bank milik Badan Perhubungan UMNO Sabah yang didakwa ada kaitan dengan skandal penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB), kini menjadi harta Kerajaan Malaysia.

Keseluruhan jumlah wang yang dimohon kerajaan untuk dilucut hak daripada UMNO Sabah ialah sebanyak RM1,254,112.24, namun RM1 juta dikembalikan kepada pihak responden.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mahadi Abdul Jumaat, memaklumkan kepada mahkamah bahawa UMNO Sabah selaku responden menyatakan persetujuan penyelesaian melalui representasi bertarikh 9 Disember lalu.

"Representasi responden telah diterima pendakwaan dan pihak-pihak terbabit bersetuju dengan penyelesaian bahawa wang berjumlah RM254,112.24 dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia.

"Baki wang RM1 juta dikembalikan kepada pihak responden," katanya semasa sebutan kes itu di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Mohamed Zaini Mazlan, di sini hari ini.

Peguam, Harcharanjit Singh yang mewakili UMNO Sabah mengesahkan perkara berkenaan.

"Saya memohon mahkamah merekodkan kehakiman persetujuan tanpa pengakuan salah daripada responden serta wang RM1juta itu dikembalikan kepada pihak kami," katanya.

Mohamed Zaini kemudian merekodkan penghakiman persetujuan daripada kedua-dua belah pihak.

"Dokumen persetujuan seperti yang tertera dalam draf dokumen persetujuan bertarikh hari ini adalah direkodkan dengan syarat tambahan tiada pengakuan salah daripada pihak responden," katanya.

Permohonan melucut hak itu dibuat pihak pendakwaan mengikut Seksyen 56 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya pada sidang akhbarinya baru-baru ini, berkata permohonan perlucutan hak telah difailkan terhadap 41 responden untuk memperoleh semula dana kira-kira RM270 juta yang mempunyai kaitan dengan 1MDB.

Latheefa berkata, tindakan itu diambil mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLA) yang mana suruhanjaya itu percaya wang berkenaan dipindahkan daripada akaun bank bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.



Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika hadir prosiding bela diri dalam kes skandal SRC International Sdn Bhd di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. -

16. Saya tidak tanya jumlah baki dalam akaun - Najib

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, tidak pernah bertanyakan jumlah baki dalam akaun peribadi AmBank miliknya setiap kali menandatangani cek.

Najib memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini, beliau merasakan jumlah dalam akaun Ambank miliknya mencukupi.

Mengikut Ahli Parlimen Pekan itu, beliau juga tidak mengetahui jumlah wang yang keluar dan masuk menerusi akaunnya itu.

Najib, 66, yang menjawab soalan balas Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram, berkata jumlah pengeluaran melalui cek yang ditandatangani tidak terlalu besar untuk beliau membuat semakan berulang kali.

Beliau berkata, jika ada keperluan, beliau akan membuat semakan dengan bekas Ketua Setiausaha Sulitnya, Allahyarham Datuk Azlin Alias.

Katanya, sekiranya berada di Pejabat Perdana Menteri (PMO) semakan dibuat dengan Azlin manakala ketika di rumah beliau tidak bertanya sesiapa mengenai akaun miliknya.

Sithambaram: Tetapi kamu keluarkan cek dalam akaun dalam jumlah yang banyak ketika berada di rumah.. ia berjumlah RM2.5 juta.

Najib: Saya mempunyai 'rasa' bahawa duit mencukupi dalam akaun.

Tambah Najib, walaupun jumlah cek yang perlu dikeluarkan bernilai jutaan ringgit, beliau dapat merasakan ada wang yang mencukupi dalam tiga akaun berakhir 880, 898 dan 906 itu.

Menjawab soalan sama ada sumber kewangan dalam akaun Ambank itu adalah daripada dana daripada negara Arab, Najib menjawab, "betul."

Sithambaram: Adakah kamu tahu terdapat dana lain masuk ke dalam akaun kamu?

Najib: Sehingga ia menjadi isu

Sithambaram: Adakah dana dalam akaun itu adalah disebabkan adanya kemasukan (debit)?

Najib: Ya.

Sithambaram: Dalam kes kamu... kamu tidak tahu kemasukan dana lain selain dana Arab?

Najib: Betul

Sithambaram kemudian mempertikaikan bagaimana seorang perdana menteri dan menteri kewangan tidak pernah mengetahui mengenai akaun kewangan miliknya, Najib menjawab;

"Kamu boleh tanyakan perkara itu kepada setiausaha peribadi saya yang menguruskan akaun peribadi (saya)."

Pertelagahan antara Sithambaram dan Najib sekali lagi tercetus selepas bekas perdana menteri itu dilihat memberi jawapan yang berbeza mengenai sama ada beliau menandatangani minit mesyuarat Kementerian Kewangan Diperbadankan (MKD) untuk membolehkan pindaan ke atas memorandum dan artikel persatuan (M&A) 1MDB.

Sithambaram bertanya Najib berhubung jawapan beliau yang bercanggah dengan pernyataan saksi dan ketika pemeriksaan balas oleh Peguam Negara Tommy Thomas.

Menurut Sithambaram, dalam pernyataan bertulis Najib, menyatakan tidak dapat memastikan sama ada beliau menandatangani pindaan M&A 1MDB.

Sementara ketika pemeriksaan balas Thomas pula, Sithambaram berkata Najib menjawab bahawa tandatangan itu adalah miliknya.

Pindaan itu adalah untuk memasukkan Artikel 117, yang memberi kuasa kepada Najib sebagai perdana menteri ketika itu dengan keputusan lembaga pengarah 1MDB.

Sithambaram: Bila disoal sebelum ini oleh Peguam Negara, kamu berkata tidak pernah menandatangani Minit Pemegang Saham


Najib: Ya tetapi ini bukan salinan asal, saya tidak dokumen pemegang saham lain.

Sithambaram: Kamu mengaku hanya tandatangan Minit Mesyuarat ini?

Najib: Ya, kecuali kamu tunjukkan dokumen asal, ini tertakluk kepada dokumen asal.

Sithambaram: Tetapi kamu sahkan di mahkamah, ini adalah dokumen salinan yang kamu tandatangan?

Najib: Ya, jika kamu tunjukkan saya yang asal.



Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika hadir prosiding bela diri dalam kes skandal SRC International Sdn Bhd di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

17. Najib tak tahu wang keluar dan masuk akaun

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak tidak pernah bertanya jumlah baki dalam akaun peribadi AmBank miliknya setiap kali menandatangani cek.

Najib memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini, beliau merasakan jumlah dalam akaun Ambank miliknya mencukupi.

Menurut Ahli Parlimen Pekan itu, beliau juga tidak mengetahui jumlah wang yang keluar dan masuk menerusi akaunnya itu.

Najib, 66, yang menjawab soalan balas Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram berkata, jumlah pengeluaran melalui cek yang ditandatangani tidak terlalu besar untuk beliau membuat semakan berulang kali.

Beliau berkata, jika ada keperluan, beliau akan membuat semakan dengan bekas Ketua Setiausaha Sulitnya, Allahyarham Datuk Azlin Alias.

Katanya, sekiranya berada di Pejabat Perdana Menteri (PMO) semakan dibuat dengan Azlin manakala di rumah beliau tidak bertanya sesiapa mengenai akaun miliknya.

Sithambaram: Tetapi kamu keluarkan cek dalam akaun dalam jumlah yang banyak ketika berada di rumah, ia berjumlah RM2.5 juta.

Najib: Saya mempunyai 'rasa' bahawa duit mencukupi dalam akaun.

Tambah Najib, walaupun jumlah cek yang perlu dikeluarkan bernilai jutaan ringgit, beliau dapat merasakan ada wang yang mencukupi dalam tiga akaun berakhir 880, 898 dan 906 itu.

Menjawab soalan sama ada sumber kewangan dalam akaun Ambank itu adalah daripada dana daripada negara Arab, Najib menjawab, "betul."

Sithambaram: Adakah kamu tahu terdapat dana lain masuk ke dalam akaun kamu?

Najib: Sehingga ia menjadi isu

Sithambaram: Adakah dana dalam akaun itu adalah disebabkan adanya kemasukan (debit)?

Najib: Ya

Sithambaram: Dalam kes kamu, kamu tidak tahu kemasukan dana lain selain dana Arab?

Najib: Betul

Sithambaram kemudian bertanya bagaimana seorang perdana menteri dan menteri kewangan tidak pernah mengetahui mengenai akaun kewangan miliknya, Najib menjawab:

"Kamu boleh tanyakan perkara itu kepada setiausaha peribadi saya yang menguruskan akaun peribadi (saya)."

Pertelagahan antara Sithambaram dan Najib sekali lagi tercetus selepas bekas perdana menteri itu dilihat memberi jawapan yang berbeza mengenai sama ada beliau menandatangani minit mesyuarat Kementerian Kewangan Diperbadankan (MKD) untuk membolehkan pindaan ke atas memorandum dan artikel persatuan (M&A) 1MDB.

Sithambaram bertanya Najib berhubung jawapan beliau yang bercanggah dengan pernyataan saksi dan ketika pemeriksaan balas oleh Peguam Negara Tan Sri Tommy Thomas.

Menurut Sithambaram, dalam pernyataan bertulis Najib, menyatakan tidak dapat memastikan sama ada beliau menandatangani pindaan M&A 1MDB.

Sementara ketika pemeriksaan balas Tommy pula, Sithambaram berkata Najib menjawab bahawa tandatangan itu adalah miliknya.

Pindaan itu adalah untuk memasukkan Artikel 117, yang memberi kuasa kepada Najib sebagai perdana menteri ketika itu dengan keputusan lembaga pengarah 1MDB.

Sithambaram: Bila disoal sebelum ini oleh Peguam Negara, kamu berkata tidak pernah menandatangani Minit Pemegang Saham.

Sithambaram: Bila disoal sebelum ini oleh Peguam Negara, kamu berkata tidak pernah menandatangani Minit Pemegang Saham.

Najib: Ya, tetapi ini bukan salinan asal, saya tidak tandatangan dokumen pemegang saham lain.

Sithambaram: Kamu mengaku hanya tandatangan Minit Mesyuarat ini?

Najib: Ya, kecuali kamu tunjukkan dokumen asal, ini tertakluk kepada dokumen asal.

Sithambaram: Tetapi kamu sahkan di mahkamah, ini adalah dokumen salinan yang kamu tandatangan?

Najib: Ya, jika kamu tunjukkan saya yang asal.

Sementara itu, Sithambaram mencadangkan bahawa Najib adalah seorang yang berhati-hati dengan wang atau dana kerajaan dan mengaitkan dengan kes kehilangan coklat di rumah tertuduh pada tahun lalu.

Sithambaram: Saya tidak bermaksud tidak hormat tetapi saya keliru. Saya masih ingat dalam laporan akhbar, apabila polis membuat serbuan rumah kamu, kamu ada menyatakan ada coklat hilang?

Najib: Ya, anak perempuan saya mengadu.



Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika hadir prosiding bela diri dalam kes skandal SRC International Sdn Bhd di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

18. Saya tidak tanya jumlah baki dalam akaun - Najib

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, tidak pernah bertanyakan jumlah baki dalam akaun peribadi AmBank miliknya setiap kali menandatangani cek.

Najib memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini, beliau merasakan jumlah dalam akaun Ambank miliknya mencukupi.

Mengikut Ahli Parlimen Pekan itu, beliau juga tidak mengetahui jumlah wang yang keluar dan masuk menerusi akaunnya itu.

Najib, 66, yang menjawab soalan balas Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram, berkata jumlah pengeluaran melalui cek yang ditandatangani tidak terlalu besar untuk beliau membuat semakan berulang kali.

Beliau berkata, jika ada keperluan, beliau akan membuat semakan dengan bekas Ketua Setiausaha Sulitnya, Allahyarham Datuk Azlin Alias.

Katanya, sekiranya berada di Pejabat Perdana Menteri (PMO) semakan dibuat dengan Azlin manakala ketika di rumah beliau tidak bertanya sesiapa mengenai akaun miliknya.

Sithambaram: Tetapi kamu keluarkan cek dalam akaun dalam jumlah yang banyak ketika berada di rumah.. ia berjumlah RM2.5 juta.

Najib: Saya mempunyai 'rasa' bahawa duit mencukupi dalam akaun.

Tambah Najib, walaupun jumlah cek yang perlu dikeluarkan bernilai jutaan ringgit, beliau dapat merasakan ada wang yang mencukupi dalam tiga akaun berakhir 880, 898 dan 906 itu.

Menjawab soalan sama ada sumber kewangan dalam akaun Ambank itu adalah daripada dana daripada negara Arab, Najib menjawab, "betul."

Sithambaram: Adakah kamu tahu terdapat dana lain masuk ke dalam akaun kamu?

Najib: Sehingga ia menjadi isu

Sithambaram: Adakah dana dalam akaun itu adalah disebabkan adanya kemasukan (debit)?

Najib: Ya.

Sithambaram: Dalam kes kamu... kamu tidak tahu kemasukan dana lain selain dana Arab?

Najib: Betul

Sithambaram kemudian mempertikaikan bagaimana seorang perdana menteri dan menteri kewangan tidak pernah mengetahui mengenai akaun kewangan miliknya, Najib menjawab;

"Kamu boleh tanyakan perkara itu kepada setiausaha peribadi saya yang menguruskan akaun peribadi (saya)."

Pertelagahan antara Sithambaram dan Najib sekali lagi tercetus selepas bekas perdana menteri itu dilihat memberi jawapan yang berbeza mengenai sama ada beliau menandatangani minit mesyuarat Kementerian Kewangan Diperbadankan (MKD) untuk membolehkan pindaan ke atas memorandum dan artikel persatuan (M&A) 1MDB.

Sithambaram bertanya Najib berhubung jawapan beliau yang bercanggah dengan pernyataan saksi dan ketika pemeriksaan balas oleh Peguam Negara Tommy Thomas.

Menurut Sithambaram, dalam pernyataan bertulis Najib, menyatakan tidak dapat memastikan sama ada beliau menandatangani pindaan M&A 1MDB.

Sementara ketika pemeriksaan balas Thomas pula, Sithambaram berkata Najib menjawab bahawa tandatangan itu adalah miliknya.

Pindaan itu adalah untuk memasukkan Artikel 117, yang memberi kuasa kepada Najib sebagai perdana menteri ketika itu dengan keputusan lembaga pengarah 1MDB.

Sithambaram: Bila disoal sebelum ini oleh Peguam Negara, kamu berkata tidak pernah menandatangani Minit Pemegang Saham

Najib: Ya tetapi ini bukan salinan asal, saya tidak dokumen pemegang saham lain.

Sithambaram: Kamu mengaku hanya tandatangan Minit Mesyuarat ini?

Najib: Ya, kecuali kamu tunjukkan dokumen asal, ini tertakluk kepada dokumen asal.

Sithambaram: Tetapi kamu sahkan di mahkamah, ini adalah dokumen salinan yang kamu tandatangan?

Najib: Ya, jika kamu tunjukkan saya yang asal.



TIMBALAN Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Abdul Rashid Sulaiman ketika ditemui di Mahkamah Kuala Lumpur.

19. Kerajaan rayu kes lucut hak UMNO Kedah dan Habib Jewels

KUALA LUMPUR: Kerajaan merayu keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak permohonannya untuk melucut hak harta membabitkan wang RM1.15 juta daripada Badan Perhubungan UMNO Kedah dan Habib Jewels Sdn Bhd (Habib Jewels).

Wang berkenaan didakwa ada kaitan dengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan diterima dua entiti itu daripada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Kerajaan melalui Pendakwa Raya yang bertindak selaku pemohon memfailkan notis rayuan itu di Pejabat Pendaftar Mahkamah Rayuan, Putrajaya, pada 16 Disember lalu.

Perkara itu dimaklumkan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Abdul Rashid Sulaiman selepas pengurusan kes di hadapan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Mahyudin Mohamad Som hari ini.

Abdul Rashid ketika ditemui berkata, pihaknya turut memohon, perintah yang dikeluarkan mahkamah supaya kerajaan memulangkan wang berkenaan kepada kedua-dua entiti terbabit, ditangguhkan.

Sehubungan itu, katanya, mahkamah memerintahkan UMNO Kedah dan Habib Jewels memfailkan afidavit balasan terhadap permohonan Pendakwa Raya untuk menangguhkan perintah pemulangan wang berkenaan.

UMNO Kedah diberi masa selewat-lewatnya pada 7 Januari manakala Habib Jewels perlu memfailkan afidavit balasannya pada 14 Januari depan.

Prosiding turut dihadiri Peguam R Hanita yang mewakili UMNO Kedah dan peguam Gooi Yong Shuh bagi pihak Habib Jewels.

Pada 13 Disember lalu, Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali, menolak permohonan melucut hak harta oleh Pendakwa Raya selepas mendapati wang dalam akaun UMNO Kedah bukan hasil daripada aktiviti pengubahan wang haram manakala pembayaran diterima Habib Jewels dibuat melalui pembelian yang dilakukan dengan niat baik.

Bagi permohonan kerajaan melucut hak harta terhadap UMNO Kedah, Mohd Nazlan berkata wang RM1.05 juta diterima daripada parti itu tidak boleh dikatakan sebahagian daripada wang RM15 juta yang diberikan Najib pada tahun 2012 dan 2013.

Bagi kes membabitkan Habib Jewels yang menerima wang RM100,000 pula, hakim mendapati wang yang diterima daripada entiti itu bagi pembelian barangan kemas dilakukan dengan niat baik dalam maksud perniagaan biasa pihak responden.

Hakim berkata, pihak pendakwaan tidak mempertikaikan pembelian itu selepas responden mengemukakan bukti dokumen seperti resit pembelian.



TIMBALAN Pendakwa Raya, Zaki Asyraf Zubir ketika ditemui di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

20. Permohonan pindah kes Goldman Sachs Singapura 14 Januari depan

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi menetapkan 14 Januari depan untuk mendengar permohonan pendakwaan bagi memindahkan kes berkaitan bon AS\$6.5 bilion (RM27.2 bilion) membabitkan Goldman Sachs (Singapura), daripada Mahkamah Majistret ke Mahkamah Tinggi.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Zaki Asyraf Zubir ketika ditemui pemberita, berkata mahkamah menetapkan tarikh sebutan permohonan terbabit di dalam kamar Hakim Mohamed Zaini Mazlan.

Zaki Asyraf berkata, tarikh itu turut ditetapkan memandangkan penyampaian notis saman terhadap Goldman Sachs (Singapura) masih dalam proses.

Sementara itu, peguam Krishna Dallumah bersama Datuk Prem Ramachandran yang mewakili Goldman Sachs tidak membantah permohonan berkenaan.

Pada 19 Disember 2018, pendakwaan memfailkan empat tuduhan ke atas Goldman Sachs kerana meninggalkan fakta material berhubung penjualan bon terbitan antara anak syarikat 1MDB dengan Aabar Investments PJS Limited (Aabar Limited).

Syarikat itu dituduh melakukan kesalahan itu antara 19 Mac 2012 hingga 11 November 2013, di 1MDB, Aras 8, Menara IMC, No 8, Jalan Sultan Ismail, di sini.

Pertuduhan dilakukan mengikut Subseksyen 179(c) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan sabit kesalahan boleh dipenjara tidak melebihi 10 tahun dan denda tidak kurang RM1 juta.

Pada 19 Disember 2018, bekas ahli perbankan *Goldman Sachs*, Roger Ng Chong Hwa, 46, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, atas dakwaan memainkan peranan dalam pengeluaran bon berkaitan 1MDB.

Jabatan Keadilan Amerika Syarikat menganggarkan sekitar AS\$4.5 bilion diselewengkan daripada 1MDB antara 2009 hingga 2014, termasuk sebahagian dana yang dibantu *Goldman Sachs*.



Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Latheefa Koya

21. Penerima dana 1MDB degil didakwa

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mula mendakwa di mahkamah individu serta entiti yang dikompau sebelum ini untuk memulangkan semula dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB), mulai minggu depan.

SPRM pada Oktober lalu dilaporkan sudah mengeluarkan notis kompaun kepada 80 individu dan entiti yang didakwa menerima dana daripada 1MDB untuk mereka membayar denda, iaitu mengikut jumlah wang diterima atau hingga 2.5 kali daripada jumlah terbabit.

Difahamkan pendakwaan mengikut Seksyen 92(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA 2001) akan dibuat terhadap individu dan entiti yang gagal untuk bekerjasama dan tidak mahu memulangkan semula dana yang dinyatakan SPRM.

BH difahamkan antara mereka yang terbabit dipercayai termasuk beberapa pemimpin parti politik.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, berkata tindakan yang dilakukan agensi penguatkuasaan itu dilakukan berikutan individu/entiti terbabit enggan memulangkan dana itu seperti yang sudah diumumkan Oktober lalu.

"Kita mahu mereka bekerjasama dan memulangkan wang itu, tetapi setakat ini mereka ini tidak mahu berbuat demikian, oleh yang demikian, mulai minggu depan kita akan memulakan pendakwaan di mahkamah.

"Saya boleh sahkan lebih seorang pemimpin politik dalam senarai yang dikeluarkan SPRM tidak mahu bertindak sedemikian," katanya dalam temubual eksklusif dengan BH di pejabatnya semalam.

Dalam temu bual itu, Latheefa menjelaskan antara fokus utama agensi itu pada 2020 adalah memperoleh semula wang dan dana yang diseleweng untuk disalurkan kepada pembangunan negara.

"Dua tahun ini kita dikejutkan dengan penyelewengan membabitkan berbilion ringgit wang rakyat dan pendakwaan terhadap salah laku itu sedang berjalan.

"Namun begitu, harapan utama saya adalah tidak lagi mahu perkara serupa berlaku dan disebabkan itu, kita memfokuskan untuk memperoleh semula wang berkenaan. Wang itu akan disalurkan kepada kerajaan," katanya.

Oktober lalu, Latheefa dalam sidang media menjelaskan SPRM mengeluarkan notis kompaun mengikut AMLATFPUAA 2001 membabitkan 80 individu dan entiti dengan jumlah dana keseluruhan sebanyak RM420 juta, yang terendah RM100,000 dan terbanyak RM134 juta.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki selepas itu menjelaskan, hanya lapan daripada 80 individu dan entiti yang menerima notis kompaun setuju membayar kompaun dan 40 peratus daripada mereka pula mahu mengambil tindakan mahkamah terhadap SPRM, manakala 45 peratus lagi menghantar surat rayuan, tiga individu pula tidak mahu menerima notis kompaun.